

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER  
A/L RAJAJI [ JELUTONG ]**

**SOALAN NO. 390**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- a. adakah Kementerian bercadang untuk membuka sistem matrikulasi kepada semua pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tanpa mengira kaum; dan
- b. mengapa pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang masih menghadapi masalah dalam memperolehi tawaran untuk memasuki Kolej Matrikulasi.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a. Kementerian Pendidikan (KPM) komited untuk melaksanakan hasrat Kerajaan dengan memberi akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dengan memberi keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat telah diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April

**NO. SOALAN: 390**

2019 telah bersetuju supaya dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera.

- b. Kemasukan ke Program Matrikulasi masih mengekalkan pengiraan merit pencapaian pelajar dengan mengambil kira gabungan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum. 90 peratus skor merit diperoleh daripada kombinasi empat mata pelajaran SPM yang ditetapkan, manakala 10 peratus skor merit diperoleh daripada markah kokurikulum pelajar di sekolah. Ini bermakna pelajar yang ditawarkan tempat ke Program Matrikulasi KPM bukan sahaja perlu cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tetapi juga perlu cemerlang dalam pencapaian kokurikulum.

RT48/390